

## Tradewinds tebus sepenuhnya bon – RAM Ratings

KUALA LUMPUR 7 Mei – RAM Rating Services Bhd. (RAM Ratings) mendapat pengesahan daripada ejen kemudahan OCBC Bank (Malaysia) Bhd. bahawa Tradewinds Corporation Bhd. menebus sepenuhnya Bon Berjamin Boleh Tebusnya RM100 juta pada 2 Mei, 2008.

Berikutan penebusan itu, agensi itu tidak lagi mempunyai sebarang tanggungan penarafan ke atas bon itu dan penarafan jangka panjangnya BBB3(s) tidak lagi boleh diguna pakai, demikian menurut RAM Ratings dalam satu kenyataan hari ini.

Mengenai perkembangan berkaitan Bon Berjamin Boleh Tebus Boleh Tukar (RCB) Boustead Holdings Bhd. RM100 juta, RAM Ratings berkata, syarikat itu telah menukar atau menebus sepenuhnya bon berkenaan.

Bagaimanapun, RCB RM40 juta yang ditebus oleh Boustead kini dalam pertikaian dan menunggu prosiding perundangan, katanya.

“Tanpa mengira prosiding undang-undang dan mengambil kira penyelesaian sepenuhnya, RAM Ratings tiada lagi mempunyai tanggungan penarafan terhadap RCB dan penarafan AAA nya tidak lagi boleh diguna pakai,” kata agensi itu.

– Bernama

5/8/2008 11:28  
AM